

TARIKH	15 OGOS 2025 (JUMAAT)	SURATKHABAR	BH / UM / NST / TS / HM / KOSMO
TAJUK ARTIKEL	PUSAT PENGUMPULAN MINERAL BERPOTENSI DIBINA DI MARAN		
M/S	20 (NASIONAL)	KATA KUNCI	COMMERCIALIZATION
BIDANG	BUSINESS		

20
Nasional
Jumaat, 15 Ogos 2025 

Pusat pengumpulan mineral berpotensi dibina di Maran

ECRL mampu jadikan Pahang hab pelaburan, perindustrian dan logistik utama di Pantai Timur

Kuantan: Pusat pengumpulan mineral seperti bauksit, emas, silika dan bijih besi berpotensi dibangunkan di Maran seiring dengan pembinaan stesen Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) di daerah berkenaan kelak.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, ber-

kata stesen berkenaan akan turut diktengahkan dalam kluster industri pemprosesan dan pembungkusan minyak sawit memandangkan lokasinya yang strategik iaitu di kawasan pengeluaran komoditi itu.

Katanya, stesen ECRL Temerloh yang dibangunkan berhampiran kawasan perindustrian sedia ada seperti Kawasan Perindustrian Temerloh, Songsang dan Kampung Sempadan dikenal pasti untuk pembangunan pelbagai jenis industri antaranya perabot.

Stesen ECRL Paya Besar pula akan menjadi pembangunan in-



Wan Rosdy Wan Ismail

dustri berimpak tinggi menerusi Taman Teknologi Pahang (PTP), Taman Industri Halal Gambang (GHP) dan Kompleks Makanan Halal Negeri Pahang atau bengkel industri kecil dan sederhana (IKS).

"Pembangunan di kawasan ini menyasarkan industri ringan, sederhana dan berat serta dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur asas," katanya pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Pahang di Wisma Sri Pahang semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Rizal Jamin (ADUN Lantikan) yang ingin ta-

hu jenis industri yang dikenal pasti berpotensi dibangunkan di sepanjang jajaran ECRL.

Wan Rosdy berkata, stesen ECRL Cherating dilihat mampu menyokong pembangunan pelaburan dalam sektor pelancongan pesisir pantai, hospitaliti dan ekopelancongan.

"Stesen ini berpotensi menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi tempatan melalui pelancongan di kawasan Cherating," katanya.

Beliau berkata, kerajaan negeri yakin ECRL akan menjadikan Pahang sebagai hab pelaburan, perindustrian dan logistik utama di Pantai Timur.

"Perancangan pembangunan secara tersusun di setiap stesen serta kerjasama erat dengan Kerajaan Persekutuan dan pihak

berkepentingan akan memastikan inisiatif ini membawa manfaat besar kepada rakyat dan negeri secara menyeluruh," katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Pahang, Sim Chon Siang, berkata dianggarkan 600 peluang pekerjaan baharu akan diwujudkan khusus di Pahang meliputi pelbagai kategori antaranya juruteknik dan jurutera sistem rel serta pegawai tiket selepas projek berkenaan siap.

Beliau berkata demikian bagi menjawab pertanyaan Datuk Abd Aziz Mat Kiram (BN-Batu Talam) yang bertanyakan peluang pekerjaan baharu yang dijangka diwujudkan untuk rakyat Pahang selepas siapnya projek ECRL.

BERNAMA

DISEDIAKAN OLEH	1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
------------------------	--